



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mempelawa pemegang lesen yang berkecualan untuk mendaftar minat sebagai pemberi perkhidmatan sejagat seperti butiran berikut:

PROGRAM	Pemberian Perkhidmatan Sejagat
NO. RUJUKAN PELAWAAN	MCMC/INFD/IDD(01)/NFCP3/TC/02/2020(02)
PERINCIAN	Pelawaan mendaftar minat dan mengemukakan draf rancangan perkhidmatan sejagat sebagai pemberi perkhidmatan sejagat di bawah Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002, bagi Pemasangan Kemudahan Rangkaian dan Pelaksanaan Perkhidmatan Rangkaian untuk Penyediaan Rangkaian dan Perkhidmatan Capaian Jalur Lebar Gentian Optik di Sasaran Perkhidmatan Sejagat di bawah inisiatif Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara 3 (NFCP 3)
TARIKH TUTUP PENYERAHAN	i. PENDAFTARAN MINAT: 9:00 pagi hingga 12:00 tengahari, pada 27 Mac 2020 (Jumaat)
	ii. DRAF RANCANGAN PERKHIDMATAN SEJAGAT: pada atau sebelum 12:00 tengahari, 12 Mei 2020 (Selasa)
SESI TAKLIMAT	Tarikh : 21 Februari 2020 (Jumaat) Masa : 10:00 pagi Tempat : Auditorium, Bangunan Lama MCMC, Off Persiaran Multimedia, 63000 Cyberjaya, Selangor



Dokumen Permintaan untuk Cadangan (*Request for Proposal* 'RFP') ini adalah tersedia dan boleh dimuat turun daripada laman sesawang MCMC <https://www.mcmc.gov.my>. Pemegang lesen adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami keperluan-keperluan yang dinyatakan di dalam RFP tersebut, sebelum mendaftarkan minat mereka.

Kesemua kertas cadangan hendaklah ditujukan kepada Sekretariat Tender dan dialamatkan kepada:

Pengerusi
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)
(Old Building)
Off Persiaran Multimedia, 63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8688 8000 Fax: 03-8688 1000
Emel: tender@mcmc.gov.my
(Untuk Perhatian: Sekretariat Tender)

<https://www.mcmc.gov.my/procurement-notices/tenders>